

ASNB umum pembayaran untuk lima dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021

Agihan pendapatan RM1.55 bilion

PETALING JAYA – Permodalan Nasional Bhd. (PNB) melalui syarikat pengurusan unit amanah milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Bhd. (ASNB), mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.55 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021 untuk lima dana.

Dana tersebut adalah Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) beserta tiga dana harga berubah iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1.

Menurut ASNB, pembayaran pengagihan pendapatan bagi ASB 2 berjumlah RM488.2 juta yang memanfaatkan 459,416 pemegang unit dengan pegangan 11.5 bilion unit.

ASM pula mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM851.2 juta yang memanfaatkan 559,222 pemegang unit dengan pegangan 21.3 bilion unit.

“Sehingga 25 Mac lalu, ASB 2



ASM



ASB 2



ASN Sara 1



ASN Imbang 2



ASN Equity 3

mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM499 juta, manakala ASM mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM727.6 juta,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Selain itu, bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 masing-masing mencatat pulangan dua digit sebanyak 18.7 peratus, 17 peratus dan 10.8 peratus.

Terang ASNB, dalam tempoh sama, FBM KLCI mengukuh kepada 1,598 mata daripada 1,351 mata ekoran peningkatan sentimen pelancaran program vaksinasi di peringkat global dan jang-

kaan pemulihan ekonomi global.

Melalui pulangan tersebut, dana harga berubah mengisytiharkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM76.4 juta bagi ASN Equity 3, iaitu 3.53 sen seunit kepada 86,306 pemegang unit dengan pegangan 2.2 bilion unit.

Bagi ASN Imbang 2 mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak RM45.4 juta iaitu 3.11 sen seunit kepada 85,147 pemegang unit dengan pegangan 1.5 bilion unit.

ASN Sara 1 pula mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak RM91.8 juta, iaitu 3.52 sen

seunit kepada 85,776 pemegang unit dengan pegangan 2.6 bilion unit.

“Pengagihan pendapatan yang diisytihar oleh dana-dana ini diperoleh daripada keuntungan dana yang direalisasi, dividen dan pendapatan-pendapatan lain.

“Pendapatan daripada pelaburan antarabangsa untuk setiap dana meningkat dengan ketara antara 40 peratus hingga 52 peratus daripada jumlah pendapatan sehingga kini dalam tahun kewangan semasa.

“Ini mencerminkan impak positif hasil daripada inisiatif

kepelbagaian yang dilaksanakan oleh dana-dana tersebut,” jelasnya.

Mengulas lanjut, ASNB menerangkan, pihaknya akan terus kekal fokus terhadap pelaksanaan pelan strategiknya dalam membina portfolio yang mampan dan berdaya tahan daripada segi kewangan.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 2 dan ASM dibuat berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 pula adalah berdasarkan kepada baki minimum bulanan yang dipegang pada hujung tahun.

Pengagihan yang diisytiharkan oleh dana-dana ini akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April.